

PERKEBAS hulur sumbangan kepada mangsa kebakaran Taman Mutiatra Sg Bedaun

Oleh Henry Bating

LABUAN: Pertubuhan Kebajikan Islam Anak-Anak Sabah (PERKEBAS) Ranting Wilayah Persekutuan Labuan menghulurkan sumbangan berupa barangan keperluan harian kepada keluarga mangsa kebakaran rumah di Taman Mutiatra Kg Sungai Beduan, pagi kelmarin.

Pengerusi PERKEBAS Labuan Ah Ling @ Ayyahrudin Thien Abdullah menyerahkan sumbangan berkenaan kepada ketua keluarga mangsa Atim Ibrahim.

“PERKEBAS Ranting Labuan menzahirkan rasa simpati dan keprihatinan di atas musibah yang menimpa keluarga Atim,” katanya.

Turut menyampaiakan sumbangan ialah Thiry Le-gayc Saloon dan Kedai Run-cit Moorthy yang diwakili Kanaka Sabai Rengasany, Panglima Ashraff Edyygo, Panglima Abdul Sani, Achik Ismail dan Achik Tomli.

“Kami berharap dengan sedikit sumbangan ini akan dapat meringankan beban keluarga mangsa,” katanya.

Dalam tragedi sekitar 4 pagi pada 5 Julai lalu, Atim bersama tujuh ahli keluarga terselamat apabila rumah mereka di Tingkat Dua, Taman Perumahan Mutiatra terbakar.

Rumah berkenaan yang musnah 40 peratus mendapat khidmat jentera bomba dan penyelamat untuk membantu memadamkan kebakaran berkenaan.

Atim mengucapkan terima kasih kepada PERKEBAS dan semua pihak yang datang menziarahi serta menyampaiakan sumbangan pakaian dan keperluan harian.